

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	19/09/2017

PENDENGARAN RCI KERUGIAN FOREX BANK NEGARA MALAYSIA (BNM)

BNM ada kuasa penuh buat keputusan jalankan urus niaga

Dr Mahathir dakwa hanya dimaklum kerugian selepas beberapa bulan dibentang di Kabinet

Oleh Johari Mohd Ali,
Farah Marshita
Abdul Patah dan
Siti Nurazlinee Azmi
bhnews@bh.com.my

► Putrajaya

Tun Dr Mahathir Mohamad mendakwa beliau tidak mengetahui secara peribadi keuntungan atau kerugian daripada urus niaga mata wang asing Bank Negara Malaysia (BNM) ketika menjadi Perdana Menteri.

Dr Mahathir, saksi ke-24 prosiding Suruhanjaya Siasatan Meryiasat Kerugian Urus Niaga Mata Wang Asing Bank Negara Malaysia (BNM) sekitar 1990-an, berkata beliau hanya dimaklumkan mengenai kerugian dialami BNM beberapa bulan selepas perkara itu dibentangkan di Kabinet pada 1993.

Dalam peryataan saksiinya, Dr Mahathir berkata jumlah kerugian itu juga dibentangkan di Parlimen oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim, selaku Menteri Kewangan.

"Beberapa bulan selepas pembentangan di Parlimen itu, saya ada berjumpa dengan Anwar dan bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Clifford Francis Herbert di Pejabat Perdana Menteri, sekitar 1993.

Tak ingat angka kerugian
"Dalam perjumpaan itu mereka ada maklumkan secara lisan tentang kerugian dialami BNM berkaitan urus niaga mata wang asing, tetapi saya tak ingat angka RM31 bilion disebut... apa yang saya ingat adalah dalam lingkungan RM5 bilion," katanya pada prosiding yang masuk hari ketujuh, semalam.

Menjawab keterangan Herbert sebelum ini bahawa Dr Mahathir memberitahu mereka "ada kala kita mendapat untung dan ada kala kita rugi" apabila dimaklumkan mengenai kerugian dialami BNM, bekas Perdana Menteri itu berkata: "Saya tak ingat perkataan diputar, mungkin saya berkata ada kala kita untung, ada kala kita rugi."

"Saya berkata demikian kerana

Jaffar (bekas Gabenor BNM, Tan Sri Jaaffar Hussein) memberitahu saya urus niaga mata wang asing akhir 1980-an membawa keuntungan dan menambah rizab bank pusat itu."

Beliau berkata, Gabenor BNM mempunyai tanggungjawab untuk melaporkan kepadanya, malah beliau tidak mempunyai hak untuk mencampuri urusan eksklusif bank pusat itu.

Beliau berkata, Gabenor BNM mempunyai tanggungjawab untuk melaporkan urusan bank pusat dari semasa ke semasa kepada lembaga pengarahnya, namun perdana menteri tidak mempunyai kuasa undang-undang bagi mencampuri polist, urusan dan pentadbiran bank pusat berkenaan.

"Pada akhir tahun 1980-an, ketika Malaysia mengalami kesan negatif akibat Plaza Accord, Jaffar membuat keputusan membabitkan BNM secara aktif dalam urus niaga mata wang asing untuk memelihara rizab dan ekonomi negara.

Terima alasan Gabenor

"Walaupun saya hanya mengetahui mengenai pembabitkan aktif BNM dalam urus niaga mata wang asing selepas keputusan itu, saya menerima alasan Gabenor kenapa beliau melakukannya," katanya di hadapan panel lima anggota suruhanjaya siasatan diketuai Pengerusi PETRONAS, Tan Sri Mohd Sidek Hassan.

(Salak ke-17, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dalam keterangannya sebelum ini memaklumkan keputusan BNM terbabit dalam urus niaga mata wang asing bertitik tolak daripada insiden Plaza Accord.

(Pada 1985, lima negara anggota Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) bertemu di Plaza Hotel, New York, Amerika Syarikat (AS) dan membuat keputusan tanpa berunding dengan negara lain untuk mengukuhkan mata wang Yen dan Jerman, berbanding Dolar AS.

Perkara itu menyebabkan kebanyakan negara membangun, termasuk Malaysia mengalami kerugian besar.)

Menjawab soalan pegawai pengendali suruhanjaya, Datuk Suhaimi Ibrahim, sama ada BNM perlu mendapat kebenaran bagi melakukan urus niaga mata wang asing, Dr Mahathir berkata: Tidak perlu kerana BNM mempunyai kuasa penuh.

Suhaimi: Perlu dapatkan kebenaran Menteri Kewangan?

Dr Mahathir: Menteri Kewangan, mungkin lah. Tapi saya bukan Menteri Kewangan.

Beliau juga berkata, kerugian urus niaga mata wang asing BNM tidak boleh mencatatkan sumbangan baik dan jasa Jaffar yang berkhidmat demi kepentingan negara tanpa penat lelah.

Katanya, Jaffar terkenal sebagai seorang yang berwibawa dan amanah, malah, tindakannya meletakkan jawatan sebagai Gabenor BNM pada 1994 adalah berhemah tinggi.

Dr M pertahan tindakan

Sementara itu, Dr Mahathir juga mempertahankan tindakannya melantik Tan Sri Nor Mohamed Yakcop sebagai penasihat ekonomi kerajaan pada 2000 walaupun didakwa terbabit dalam urus niaga mata wang asing yang menyebabkan BNM rugi besar.

"Apabila krisis ekonomi bermula (1997/98), saya memerlukan pakar dalam bidang kewangan dan urusan mata wang bagi membantu kerajaan menangani masalah itu.

"Nor Mohamed kemudiannya membantu dalam membaik pulih ekonomi dan memulihara mata wang negara dalam krisis ekonomi yang saya percaya menyelamatkan Malaysia daripada kerugian beratus bilion," katanya.

Suruhanjaya itu ditubuhkan untuk menyiasat dakwaan bekas Penolong Gabenor BNM, Datuk Abdul Murad Khalid, bahawa bank pusat kerugian lebih AS\$10 bilion pada awal 1990-an dalam perdagangan mata wang asing.

BH-17/9/2017 Pg. 4